

Palestin letak harapan tinggi ke atas PM

KUANTANUMPUR 24 April
— Palestin meletakkan harapan tinggi ke atas Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menyuarakan kesengsaraan rakyat negara itu dalam pertemuannya dengan Presiden George W. Bush pada bulan depan.

Duta Palestin ke Malaysia, Ahmad Al-Farra berkata, langkah itu bagi memastikan Israel yang merupakan sekutu utama Amerika Syarikat (AS) menghentikan segera kekejaman ke atas penduduk Palestin.

Beliau berkeyakinan Malaysia di bawah kenimanan Dr. Mahathir berupaya mempengaruhi AS untuk memberi tekanan ke atas Israel agar berundur dari wilayah Palestin.

Tindakan ketenteraan

oleh Israel di bandar-bandar di Tebing Barat mengakibatkan lebih 1,000 penduduk Palestin terbunuh. kerosakan infrastruktur yang teruk selain melumpuhkan ekonomi Palestin.

“Malaysia diharap dapat menggunakan peluang menemui Bush kelak untuk menyuarakan penderitaan rakyat Palestin ini supaya boleh mempengaruhi Israel menghentikan kekejaman mereka.

“Saya penuh yakin reputasi baik dan ketokohan Perdana Menteri Malaysia mampu mengubah pendirian AS dan Israel seterusnya mengembalikan kedamaian di Asia Barat,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di pejabatnya di sini, hari ini.

Perdana Menteri dijadualkan menemui Bush semasa melawat Washington mulai

13 hingga 15 Mei ini dan konflik Asia Barat serta isu Palestin dijangka menjadi antara agenda utama perbincangan kedua-dua pemimpin.

Menurut Ahmad, harapan kepada Malaysia itu diletakkan selepas hasil usaha pemimpin-pemimpin negara Arab dan beberapa pertubuhan Islam gagal meyakinkan Israel supaya mematuhi desakan masyarakat antarabangsa untuk menghentikan kekejaman mereka.

Beliau menegaskan, hanya AS yang sebenarnya mampu mempengaruhi Israel untuk menamatkan pertumpahan darah di Palestin.

“Liga Arab gagal, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) juga tidak berjaya meyakinkan mereka (Israel dan AS) supaya tidak lagi menindas Palestin.

“Malaysia sebaliknya memiliki peluang untuk menengahkan secara terus kepada AS mengenai masalah itu dan saya fikir harapan besar kami tidak diletakkan kepada pihak yang salah,” katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai keadaan Presiden Palestin Yasser Arafat, Ahmad berkata, keadaannya tidak banyak berubah sejak beliau mula terkepung di peiabatnya di Ramallah pada “November tahun lalu.

“Nyawa beliau masih dalam keadaan bahaya dan bila-bila masa boleh terkena peluru sesat dalam pertempuran antara Israel dan Palestin.

“Saya himbang keadaan ini akan berterusan untuk tempoh lebih lama,” kata beliau.